

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HTV 201 – Teknik Berfikir

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Tuliskan nama tutor dan pusat pengajian anda di sudut atas bahagian kanan kulit buku jawapan anda.
2. Kertas ini mengandungi tiga bahagian. Jawab **SATU** soalan dari Bahagian A, **SATU** Bahagian B dan **SATU** dari Bahagian C.
3. Setiap jawapan tidak boleh melebihi tiga halaman.

Bahagian A

1. Jenayah rugut yang semakin berluasa telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan orang ramai.
 - [a] Dengan menggunakan kaedah segitiga konsep, janakan idea-idea kreatif bagi membendung jenayah tersebut.
 - [b] Bincangkan keberkesanan dua daripada cadangan yang telah diberikan dengan menggunakan dua alat berfikir yang sesuai.

[40 markah]

2. Isu penderaan pembantu rumah telah sekian lama diperkatakan dalam media masa. Bagaimanakah masalah ini dapat dibendung?

Gunakan teknik berfikir berikut dalam perbincangan anda;

- [a] Alat berfikir OPV
- [b] Gaya berfikir kreatif
- [c] Topi Berfikir Hitam
- [d] Topi Berfikir Biru

[40 markah]

Bahagian B

3. Ringkas dan petamindakan artikel berkenaan Skizofrenia dari sudut topi putih dan topi kuning.

[40 markah]

Skizofrenia: Memerangkap dan Memusnahkan Emosi

Mungkin tidak ramai yang tahu bahawa penerima Hadiah Nobel bidang ekonomi pada tahun 1994, John Forbes Nash Jr. pernah menghidap penyakit mental yang cukup berbahaya iaitu skizofrenia. Perjalanan sukar dalam hidupnya telah menarik perhatian pengarah filem Hollywood terkenal, Ron Howard untuk mengisahkan saat sukar yang dihadapi John Nash dalam filemnya bertajuk *A Beautiful Mind*. Filem yang dibintangi oleh aktor terkenal, Russell Crowe mengisahkan penderitaan John Forbes dalam menghadapi masyarakat sebagai pesakit skizofrenia.

Skizofrenia merupakan penyakit mental yang boleh merosakkan malah memusnahkan emosi pesakitnya. Selain dikaitkan dengan faktor genetik, penyakit ini juga boleh terjadi akibat faktor persekitaran. Penghidap penyakit ini biasanya berlitar belakangkan kehidupan kota yang sering dikaitkan hubungannya dengan tekanan hidup yang tinggi. Bahkan, tekanan yang tinggi ini juga mendatangkan kesukaran kepada usaha penyembuhan penyakit ini.

Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2001 menunjukkan pesakit yang menghidap sakit mental berada di tangga tertinggi sebagai penyakit yang menyebabkan hilang upaya di Negara Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah Barat, berbanding penyakit lain seperti kanser dan penyakit jantung. Kajian ini juga menunjukkan sakit mental termasuk kemurungan, bipolar disorder and skizofrenia merangkumi 25 peratus daripada keadaan hilang upaya di negara maju dunia. Bagi kes Malaysia pula, mengikut tinjauan kesihatan dan morbidity kebangsaan pada 1996, menunjukkan kecenderungan penyakit mental dan masalah mental di kalangan orang dewasa adalah 10.7 peratus.

Menderita Sendirian

Menurut WHO lagi, daripada 37 juta orang pesakit skizofrenia yang terdapat di negara-negara sedang membangun, cuma satu suku daripada mereka mendapat rawatan. Begitu juga, kemuraman yang serius atau "major depression" menjelaskan 5% daripada penduduk dunia, tetapi kurang daripada sesuku mereka mendapat rawatan. Kebanyakan mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental menderita sendirian. Di sebalik penderitaan mereka dan ketiadaan penjagaan yang diberikan, terdapat stigma atau salah faham, perasaan malu, pengasingan dan tidak keprihatinan masyarakat, sehingga berlakunya kematian di segelintir pesakit.

Penyakit ini mempunyai kaitan dengan rangkaian biologi manusia sama seperti panyakit kanser dan diabetes. Ia terjadi akibat ketidakseimbangan pada dopamine iaitu salah satu sel kimia dalam otak (neurotransmitter). Otak pada dasarnya terbentuk dari sel saraf yang disebut neuron dan kimia neurotransmitter. Selain itu, kajian terbaru berkenaan dengan penyakit ini menunjukkan jenis neurotransmitter lain iaitu serotonin juga boleh menyumbang kepada gejala penyakit ini.

Data yang dikeluarkan oleh pusat informasi penyakit skizofrenia yang beralamat di laman web www.skizofrenia.com menyatakan bahawa penyakit yang cukup berbahaya ini mempunyai kaitan dengan faktor genetik. Bagaimanapun, jika kalangan masyarakat melihat seseorang pesakit secara terbuka, faktor genetik ini sebenarnya boleh diabaikan. Sebaliknya, jika masyarakat sekeliling melihatnya sebagai individu yang anti sosial, keadaan penyakitnya pasti akan bertambah serius.

Namun begitu, pendapat ini agak bercanggah dengan beberapa pendapat ahli psikologi seperti Morley Stiller. Menurutnya, penyakit skizofrenia berlaku atas sebab-sebab biologi semata-mata tanpa mempunyai hubungan dengan kelemahan peribadi hubungan seseorang dengan masyarakat.

Gejala

Umumnya, ada dua gejala yang paling ketara yang ditunjukkan oleh pesakit skizofrenia dan boleh dilihat dari aspek positif dan negatif. Gejala positif adalah berupa tindakan yang tidak mendatangkan kesan buruk kepada orang di sekelilingnya. Contohnya mengurung diri di bilik, melamun seperti bermasalah, tidak suka melibatkan diri dari bergaul dan sebagainya.

Gejala negatif pula adalah tindakan yang boleh mendatangkan kesan kepada masyarakat sekeliling seperti tindakan amuk atau menjerit-jerit yang jelas menganggu orang lain. Dalam dua gejala ini, pesakit mengalami gangguan berfikir dan sering dibayangi khayalan. Manifestasi dari khayalan ini ialah pesakit mengeluarkan perkataan-perkataan yang bukan-bukan. Secara psikologinya, pesakit benar-benar mendengar, melihat bahkan merasa khayalan tersebut.

Perkara yang sering berlaku ialah khayalan tersebut 'memberi arahan' kepada pesakit untuk melakukan sesuatu, mengingatkan sesuatu bahaya atau memberitahu perkara yang perlu dillakukan. Malah, sering kali pesakit asyik bercakap-cakap dengan watak-watak yang muncul

dalam khayalan tersebut. Pada orang lain, pesakit seolah-olah bercakap seorang diri.

Pesakit tidak menyadari bahawa khayalan itu adalah manifestasi dari fikirannya sendiri. Dalam filem *A Beautiful Mind* menggambarkan secara dramatik bagaimana John Nash berkomunikasi dengan watak-watak dalam khayalannya seolah-olah mereka benar-benar wujud. Malah, beliau cukup yakin dirinya terlibat dalam satu konspirasi ketenteraan yang besar.

Dalam pada itu, para pesakit skizofrenia sangat yakin bahawa apa yang dia dengar, lihat dan rasa dari khayalan itu juga didengar, dilihat dan dirasai oleh orang lain. Keyakinan ini lah yang menyukarkan proses penyembuhan kerana selagi pesakit ada keyakinan sedemikian, mereka akan terus menganggap bahawa dirinya masih waras.

Mereka yang Berpotensi

Umumnya, skizofrenia boleh menimpa sesiapa sahaja terutamanya orang yang memiliki keturunan secara genetik. Berikut adalah data yang dikeluarkan pusat data skizofrenia Amerika Syarikat.

Data yang dikeluarkan juga menjelaskan bahawa 3/4 pesakit skizofrenia berusia antara 16 hingga 25 tahun. Bagaimanapun, pada kelompok usia ini skizofrenia lebih mempengaruhi lelaki berbanding perempuan. Pada peringkat usia 25 hingga 25 tahun pula trend ini lebih banyak menyerang perempuan berbanding lelaki.

Rawatan

Sejak tahun 1950-an, sudah wujud kaedah rawatan yang dipercayai boleh menyembuhkan pesakit skizofrenia. Ubat yang disebut neuroleptics ini mampu mengawal gejala ‘kegilaan’ yang dialami oleh pesakit skizofrenia. Walau bagaimanapun penulis buku “Pendekatan Holistik pada Gangguan Jiwa Skizofrenia”, Prof. Dr. Dadang Hawari berkata, kaedah rawatan itu hanya menyembuhkan gejala negatif skizofrenia seperti kecenderungan mengamuk dan gemar berteriak-teriak. Sebaliknya, ubat tersebut tidak dapat menghalang sikap mengelamun atau kemurungan.

Dr. Dadang menjelaskan rawatan terkini adalah lebih efektif untuk mengawal segala macam gejala yang ditimbulkan oleh pesakit skizofrenia. Bagaimanapun, rawatan memerlukan kos yang agak tinggi di mana pesakit perlu mengambil ubat-ubatan selama antara tiga hingga enam bulan dengan harga yang mahal. Selain rawatan ubat, pesakit skizofrenia juga boleh mendapatkan bantuan kaunseling. Biasanya, pesakit akan dibantu untuk melakukan sosialisasi dengan

masyarakat sekeliling seperti kawan-kawan keluarga.

Namun apa yang lebih penting bagi pesakit skizofrenia ialah sokongan dari keluarga. Jika kumpulan yang paling dekat

dengan pesakit tidak mengambil perhatian yang sebaiknya, pesakit mungkin akan kembali mengalami skizofrenia walaupun pernah disembuhkan.

Mungkin anda masih ingat wajah ceria Jennifer Connelly yang melakonkan watak isteri John Nash dalam filem *A Beautiful Mind* melihat suaminya bersempang gembira dengan pelajar-pelajar di kampusnya. Realitinya, John Nash berjaya membuktikan skizofrenia boleh disembuhkan. Walaupun khayalan masih sering melalui benak fikirannya, dengan kesedaran dan azam yang kukuh serta sokongan keluarga, beliau berjaya mengabaikan khayalan itu.

(Oleh Abdul Muin Sapidin,
www.karangkraf.com, Ogos 2004)

4. Pada masa ini selain Tongkat Ali, pokok Misai Kucing telah mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat pengguna ubatan herba kerana dipercayai dapat menyembuhkan pelbagai penyakit kronik seperti darah tinggi dan kencing manis. Sebagai seorang penyelidik sains bagaimanakah anda boleh membuktikan secara saintifik bahawa pokok Misai Kucing mampu menurunkan tekanan darah tinggi?

[40 markah]

5. Beberapa penyelidikan produk tumbuhan herba tempatan menunjukkan potensi yang tinggi bagi penjagaan kesihatan am dan khusus. Walau bagaimanapun produk ini masih belum dapat menembusi pasaran antarabangsa. Dengan menggunakan **pemikiran kreatif melalui desain** tunjukkan bagaimana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dapat menangani masalah ini. Keluarkan rumusan dari perbincangan ini.

[40 markah]

Bahagian C

6. Bincangkan secara ringkas mengapakah setiap orang mempunyai persepsi yang berbeza. Sebutkan beberapa cara menajamkan persepsi seseorang.

[20 markah]

7. Senaraikan ciri-ciri pemikiran lateral dan kaedah untuk menjana idea-idea lateral.

[20 markah]